

Boleh atau Tidak?

Bagi melaporkan
kebakaran
**TELEFON
000**

Ogos 2025

Panduan ini memberikan anda penerangan am tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa Tempoh Bahaya Kebakaran dan pada hari Larangan Api Mutlak, iaitu ketika api di ruang terbuka dilarang di sisi undang-undang.

CFA mengisytiharkan Tempoh Bahaya Kebakaran di Victoria semasa risiko kebakaran meningkat, dan boleh mengisytiharkan tempoh berbeza di setiap kawasan di serata negeri. Perincian bagi kawasan anda dapat dilihat di laman web CFA cfa.vic.gov.au. Di hutan negeri, taman negara dan tanah negara yang dilindungi, larangan api berkuatkuasa sepanjang tahun. Dapatkan nasihat Jabatan Tenaga, Alam

Sekitar dan Tindakan Iklim (DEECA) tentang larangan api di kawasan-kawasan ini. Selain itu, selalulah bertanya kepada majlis perbandaran anda, kerana ada yang menguatkuasakan larangan sepanjang tahun.

Larangan Api Mutlak diisytiharkan oleh CFA pada hari-hari yang besar kemungkinan kebakaran cepat merebak dan sukar dikawal. Larangan ini boleh dikuatkuasakan di seluruh Victoria, atau di daerah tertentu. Hukuman bagi menyalakan api tanpa kebenaran semasa Tempoh Bahaya Kebakaran dan pada hari Larangan Api Mutlak termasuk denda yang tinggi dan mungkin juga hukuman penjara.

Bolehkah saya mengadakan **barbeku**, menyalakan **unggun api** atau menghidupkan **api** untuk berdiang atau untuk keselesaan?



Saya menguruskan perniagaan penyajian makanan (misalnya katering) atau badan komuniti/amal/pemungut derma atau badan serupa. Bolehkah saya siapkan dan nyalakan **api** untuk **barbeku**, **dapur** atau **hotplate** di majlis luar?



Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- tiupan angin tidak melebihi 10 km sejam (dapat dilihat apabila dedaun dan ranting-ranting kecil sentiasa bergerak)
- api dinyalakan dalam **pendiangan yang dibina dengan sempurna** atau lubang di tanah sekurang-kurangnya 30 sentimeter dalamnya
- tiada bahan mudah bakar dalam jarak 3 meter dari sempadan luar dan di atas titik tertinggi api itu
- api itu tidak memenuhi kawasan melebihi 1 meter persegi dan saiz serta dimensi bahan api pepejal yang digunakan adalah ukuran minimum yang perlu bagi tujuan itu
- ada penjaga bertugas di situ setiap masa api dihidupkan, dan penjaga itu mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
- api dipadamkan seluruhnya sebelum penjaga itu pergi dari situ

Harap ingat, menurut definisi Akta CFA 1958, pendiangan yang dibina dengan sempurna ialah dibuat daripada batu, logam, konkrit atau bahan tidak mudah bakar lain yang membendung sempadan luar api itu. Barbeku atau dapur gas mudah alih buatan komersial dianggap pendiangan yang dibina dengan sempurna.

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- tiupan angin tidak melebihi 10 km sejam (dapat dilihat apabila dedaun dan ranting-ranting kecil sentiasa bergerak)
- api dinyalakan dalam **pendiangan yang dibina dengan sempurna** atau lubang di tanah sekurang-kurangnya 30 sentimeter dalamnya
- tiada bahan mudah bakar dalam jarak 3 meter dari sempadan luar dan di atas titik tertinggi api itu
- api itu tidak memenuhi kawasan melebihi 1 meter persegi dan saiz serta dimensi bahan api pepejal yang digunakan adalah ukuran minimum yang perlu bagi tujuan itu
- ada penjaga bertugas di situ setiap masa api dihidupkan, dan penjaga itu mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
- api dipadamkan seluruhnya sebelum penjaga itu pergi dari situ

Jika tidak dapat memenuhi syarat-syarat ini, anda perlu memohon permit dalam talian (firepermits.vic.gov.au) atau daripada pejabat daerah CFA atau FRV mengikut lokasi aktiviti.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Semua ungun api, serta api untuk berdiang atau keselesaan diri, dilarang pada Hari Larangan Api Mutlak. Barbeku dan ketuhar berbahan api pepejal atau cecair (termasuk hanggi) juga dilarang semasa Hari Larangan Api Mutlak.

Tidak, kecuali:

- barbeku itu hanya menggunakan gas atau elektrik dan merupakan struktur kekal daripada batu, logam, konkrit atau bahan tidak mudah bakar yang lain, khusus diperbuat untuk menyiapkan makanan, atau direkabentuk dan diperbuat secara komersial khusus bagi menyiapkan makanan (termasuk barbeku gas mudah alih dan dapur gas mudah alih), dan mantap berdiri apabila api dihidupkan
- tiada bahan mudah bakar dalam jarak 3 meter dari sempadan luar barbeku itu
- anda ada hos terpasang pada bekalan air, atau bekas mengandungi sekurang-kurangnya 10 liter air untuk digunakan segera
- setiap masa api dihidupkan, ada orang dewasa di situ yang mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
- api dipadamkan seluruhnya sebelum orang dewasa itu pergi dari situ.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak, kecuali ada permit bertulis yang dikeluarkan oleh CFA, DEECA atau FRV dan anda mematuhi syarat-syarat permit itu.

Badan komuniti, badan amal atau badan pungutan derma (misalnya sekolah atau kumpulan sukan) boleh memohon kebenaran untuk menghidupkan api bagi menyiapkan makanan untuk orang lain dalam menjalankan perniagaannya. Permit dikeluarkan oleh dan atas budi bicara CFA, DEECA atau FRV mengikut lokasi aktiviti.

Pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran tidak boleh mengeluarkan permit ini.



frv.vic.gov.au



cfa.vic.gov.au

Boleh atau Tidak?

Bagi melaporkan
kebakaran
**TELEFON
000**

Bolehkah saya memasang rotisserie jenis pemanggang menggunakan **heat beads (manik haba)**, **kayu** atau **bahan api pepejal yang lain**?



Bolehkah saya gunakan **scare gun** (senapang pengusir) haiwan liar berkuasa gas?



Bolehkah saya hidupkan api di ruang terbuka untuk **membakar habis** rumput, **tunggul jerami**, **rumpai**, **belukar**, **semak samun**, atau tumbuhan lain?



Bolehkah saya **memandu** di tempat yang kenderaan akan bersentuhan dengan **tanaman**, **rumpun**, **tunggul jerami**, **rumpai**, **semak samun** atau tumbuhan lain?

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- tiupan angin tidak melebihi 10 km sejam (dapat dilihat apabila dedaun dan ranting-ranting kecil sentiasa bergerak)
- api dinyalakan dalam **pendiangan yang dibina dengan sempurna** atau lubang di tanah sekurang-kurangnya 30 sentimeter dalamnya
- tiada bahan mudah bakar dalam jarak 3 meter dari sempadan luar dan di atas titik tertinggi api itu
- api itu tidak memenuhi kawasan melebihi 1 meter persegi, serta saiz dan dimensi bahan api pepejal yang digunakan adalah ukuran minimum yang perlu bagi tujuan itu
- ada penjaga bertugas di situ setiap masa api dihidupkan, dan penjaga itu mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
- api dipadamkan seluruhnya sebelum penjaga itu pergi dari situ

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- ada permit Tempoh Bahaya Kebakaran yang dikeluarkan oleh CFA atau FRV, mengikut lokasi aktiviti; dan anda mematuhi semua syarat permit

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- ada permit Tempoh Bahaya Kebakaran dikeluarkan oleh CFA, FRV atau Pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran, mengikut lokasi aktiviti
- ada permit bertulis yang dikeluarkan oleh Pegawai Pencegahan Kebakaran di sebuah pihak berkuasa, jika bercadang membakar di kawasan bidang kuasa mereka
- anda mematuhi syarat-syarat permit tersebut
- ada penjaga bertugas di situ setiap masa api dihidupkan, dan penjaga itu mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
- api dipadamkan seluruhnya sebelum penjaga itu pergi dari situ.

Banyak pihak majlis mempunyai undang-undang tempatan yang melarang pembakaran habis tumbuhan pada hari tertentu atau di lokasi tertentu atau pada waktu tertentu di kawasan perbandarannya. Bertanyalah kepada Pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran.

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- kenderaan dipasang alat peredam bunyi (misalnya muffler) yang cekap menyerap semua ekzos daripada enjin melalui peredam itu.

Elakkan memandu meredah tumbuhan kering dalam suasana panas gersang, walaupun bukan Hari Larangan Api Mutlak, kerana risiko sistem ekzos kenderaan yang panas.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak

Barbeku bahan api pepejal dan rotisserie jenis pemanggang menggunakan **heat beads (manik haba)**, **kayu** atau **bahan api pepejal yang lain** dilarang di ruang terbuka pada Hari Larangan Api Mutlak.

Harap ingat, menurut definisi Akta CFA 1958, pendiangan yang dibina dengan sempurna ialah dibuat daripada batu, logam, konkrit atau bahan tidak mudah bakar lain yang membendung sempadan luar api itu. Barbeku buatan komersial dianggap pendiangan yang dibina dengan sempurna.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak

Senapang pengusir haiwan berkuasa gas tidak boleh digunakan semasa Hari Larangan Api Mutlak.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak

Semua api di ruang terbuka bagi membakar bersih rumput, belukar, tunggul jerami, atau sampah dilarang pada hari Larangan Api Mutlak.

Semua permit Tempoh Bahaya Kebakaran yang dikeluarkan oleh CFA, FRV, Pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran, atau Pegawai Pencegahan Kebakaran di sebuah pihak berkuasa, digantung sepanjang hari Larangan Api Mutlak.

Api yang sedia ada, termasuk yang dibenarkan oleh pengecualian atau permit bagi Tempoh Bahaya Kebakaran, adalah dilarang dan mesti dipadamkan seluruhnya sebelum Larangan Api Mutlak bermula.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak, kecuali:

- kenderaan dipasang alat peredam bunyi (misalnya muffler) yang cekap menyerap semua ekzos daripada enjin melalui peredam itu.

Elakkan hal ini seberapa dapat, kerana risiko kebakaran amat tinggi dan kebakaran pada hari-hari tersebut mungkin jauh lebih besar padahnya.

Boleh atau Tidak?

Bagi melaporkan
kebakaran
**TELEFON
000**

Bolehkah saya gunakan
**chainsaw (gergaji mesin),
mesin pemangkas pokok
atau rumput, atau mesin
pemotong rumput?**



Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- chainsaw (gergaji mesin), mesin pemangkas pokok atau rumput, atau mesin pemotong rumput itu mematuhi syarat-syarat berikut apabila digunakan pada tumbuhan yang bukan hijau (tumbuhan kering):
 - tiada kerosakan atau kecacatan mekanikal yang dapat menyebabkan kebakaran
 - dipasang spark arrester (penangkap bunga api) yang cekap
 - kawasan sekurang-kurangnya 3 meter di sekeliling mesin itu dibersihkan daripada bahan mudah bakar.

Selain itu, ada penjaga yang mesti bertugas di situ setiap masa mesin digunakan, dan mesti membawa sekurang-kurangnya satu peralatan penindas api berikut:

- pam penyembur jenis ransel, berfungsi sempurna, diisi penuh dengan air, dengan muatan tidak kurang 9 liter, atau
- alat pemadam kebakaran jenis air (bertekanan), berfungsi sempurna, diisi penuh dengan air pada tekanan betul yang sentiasa dijaga, dengan muatan tidak kurang 9 liter.

Anda dibenarkan menjalankan kerja di kawasan tanaman HIJAU, tetapi CFA menyarankan supaya peralatan disenggara dan peralatan penindas api dibawa bersama seperti diterangkan di atas.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Elakkan hal ini seberapa dapat pada hari Larangan Api Mutlak, kerana risiko kebakaran amat tinggi dan kebakaran pada hari-hari tersebut mungkin jauh lebih besar padahnya.

Jika kerja itu memang mesti dilakukan, patuhi garis panduan dalam lajur di sebelah bagi Tempoh Bahaya Kebakaran.

Harap ingat, penangkap bunga api, pam penyembur jenis ransel dan pemadam api jenis air yang disebut di atas mesti mematuhi Piawai Australia yang berkenaan.

Bolehkah saya lakukan:

- kerja mengimpal,
memotong gas,
memateri, mencanai,
menghangus atau
menggunakan cakera
pemotong lelas
berkuasa?
- penyenggaraan rel?
- pemanasan bitumen?
- memindahkan lebah
dengan menggunakan
pengasap lebah?
- mengambil madu
dengan menggunakan
haba atau nyalaan?



Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

- perisai atau pelindung, daripada bahan kalis api, diletakkan atau dipasang bagi mencegah pemancaran bunga api, logam panas atau sanga (slag); dan
- kawasan berjarak sekurang-kurangnya 1.5 meter di sekeliling aktiviti itu bersih daripada bahan mudah bakar atau cukup dibasahkan bagi mencegah api merebak; dan
- ada bekalan air jenis reticulated atau pam penyembur air berbentuk ransel yang berkesan, dengan muatan tangki tidak kurang 9 liter dan diisi penuh dengan air, untuk digunakan serta merta jika berlaku kebakaran; dan
- bahan reja atau puntung elektrod daripada aktiviti itu dimasukkan terus ke dalam bekas kalis api
- ada penjaga bertugas di situ setiap masa api dihidupkan, dan penjaga itu mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
- api dipadamkan seluruhnya sebelum penjaga itu pergi dari situ.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak

Aktiviti ini dilarang pada Hari Larangan Api Mutlak.

Dalam situasi terbatas, CFA, DEECA atau FRV boleh mengeluarkan permit pada Hari Larangan Api Mutlak.

Permit dikeluarkan oleh CFA, DEECA atau FRV mengikut lokasi aktiviti. Permit tidak boleh dikeluarkan oleh Pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran.

Lihat butir-butir cara memohon permit di halaman belakang.

Boleh atau Tidak?

Bagi melaporkan
kebakaran
TELEFON
000

Bolehkah saya gunakan
insinerator (pembakar)?

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali:

1. Anda bertanya kepada pihak majlis jika ada undang-undang tempatan yang menetapkan syarat atau menghadkan atau melarang insinerator digunakan (misalnya, larangan pada hari tertentu, di kawasan tertentu, atau pada waktu tertentu)
2. Dan syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - api dihadkan secara berkesan di dalam insinerator, sehingga bunga api, bara atau arang batu tidak dapat terlepas keluar dari bahagian atas, samping atau bawah insinerator itu
 - tiupan angin tidak melebihi 10 km sejam (dapat dilihat apabila dedaun dan ranting-ranting kecil sentiasa bergerak)
 - tiada bahan mudah bakar dalam kawasan tanah dan ruang udara berjarak 3 meter dari sempadan luar insinerator itu
 - terdapat bekalan air yang memadai bagi memadamkan api sepanjang masa api itu menyala
 - ada penjaga bertugas di situ setiap masa api dihidupkan, dan penjaga itu mampu dan mempunyai alat untuk memadamkan api
 - api dipadamkan seluruhnya sebelum penjaga itu pergi dari situ.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Tidak

Insinerator dilarang digunakan pada Hari Larangan Api Mutlak.

Harap ingat, menurut definisi Akta CFA 1958, insinerator adalah struktur atau peranti yang digunakan, atau boleh digunakan, bagi memusnahkan atau melupuskan bahan tidak dikehendaki dengan cara dibakar, dan:

- dibina daripada bahan tidak mudah bakar, dan
- dipasang perisai atau pelindung daripada bahan tidak mudah bakar bagi mencegah pemancaran bunga api, bara atau bahan lain yang sedang terbakar.

Bolehkah saya gunakan
mesin ladang, traktor,
penebas, jentolak,
pengorek atau mesin
pembina jalan berenjin
haba dalam jarak 9 meter
dari hasil tanaman,
rumput, tunggul jerami,
rumpai, semak samun atau
tumbuhan lain?

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran

Tidak, kecuali mesin itu:

- tiada kerosakan atau kecacatan mekanikal yang dapat menyebabkan kebakaran
- dipasang penangkap bunga api yang berfungsi sempurna, pengecas turbo atau penapis udara beraspirasi ekzos
- membawa peralatan penindas api yang mengandungi sama ada:
 - sekurang-kurangnya satu pam penyembur jenis ransel, berfungsi sempurna, diisi penuh dengan air, dengan muatan tidak kurang 9 liter, atau
 - sekurang-kurangnya satu alat pemadam kebakaran jenis air (bertekanan), berfungsi sempurna, diisi penuh dengan air pada tekanan betul yang sentiasa dijaga, dengan muatan tidak kurang 9 liter.

Pada Hari Larangan Api Mutlak



Elakkan hal ini seberapa dapat, kerana risiko kebakaran amat tinggi dan kebakaran pada hari-hari tersebut mungkin jauh lebih besar padahnya.

Jika kerja itu memang mesti dilakukan, patuhi garis panduan dalam lajur di sebelah bagi Tempoh Bahaya Kebakaran.

Harap ingat, penangkap bunga api, pam penyembur jenis ransel dan pemadam api jenis air yang disebut di atas mesti mematuhi Piawai Australia yang berkenaan.

Setiap orang yang menggunakan api bertanggungjawab memastikan undang-undang larangan api dipatuhi. Sesiapa yang menggunakan api mesti pastikan perbuatannya tidak menyebabkan api itu merebak ke harta benda orang lain. Hukuman berat akan dikenakan di bawah Crimes Act (Akta Jenayah) 1958 (Vic) ke atas sesiapa yang dengan sengaja atau tidak peduli menyalakan, mengekalkan atau tidak membendung api dan membiarkannya merebak ke harta benda orang lain.

Bagaimanakah cara memohon permit untuk menggunakan api semasa Tempoh Bahaya Kebakaran yang diisytiharkan atau pada hari Larangan Api Mutlak?

Sila rujuk firepermits.vic.gov.au.

Siapakah yang saya patut maklumkan jika hendak menyalakan api sejajar dengan permit saya?

Anda mesti maklumkan Triple Zero Victoria melalui firepermits.vic.gov.au. Periksa syarat-syarat permit, kerana kerap kali ada ditetapkan siapa lagi yang mesti dimaklumkan.

Siapakah yang saya mesti beritahu jika hendak membakar bersih tumbuhan?

Pada bila-bila masa pun sepanjang tahun, anda mesti beritahu Triple Zero Victoria melalui firepermits.vic.gov.au sebelum membakar bersih tumbuhan.

Jika perlukan penjelasan atau penerangan lanjut, hubungi:

CFA: telefon (03) 9262 8444;
e-mel firepermitqueries@cfa.vic.gov.au

DEECA: telefon 136 186;
laman web: ffm.vic.gov.au/permits-and-regulations/fire-permits

FRV: telefon (03) 9662 2311;
e-mel firepermitqueries@frv.vic.gov.au

Di banyak kawasan perbandaran di timur laut dan timur Melbourne, larangan api DEECA juga berkuat kuasa dalam jarak 1.5km dari sempadan tanah awam. Semak butir-butirnya di laman web DEECA.



frv.vic.gov.au



cfa.vic.gov.au